

11 JUN 2003

HASHIM-SKIM

SKIM KREDIT MIKRO TERIMA SAMBUTAN PENIAGA KECIL SELURUH NEGARA

SEREMBAN, 11 Jun (Bernama) -- Peniaga kecil seluruh negara memberi sambutan amat menggalakkan terhadap pinjaman Skim Kredit Mikro Bank Pertanian Malaysia Bhd (BPMB) dan Bank Simpanan Nasional (BSN) sejak ia dilancarkan pada 4 Jun lepas.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan Hashim Ismail hari ini berkata, setakat Isnin lepas, sebanyak 1,404 permohonan di terima BPMB dan 10,894 permohonan diterima BSN.

"Setakat Isnin lepas, BPMB meluluskan 268 permohonan melibatkan RM3.8 juta, manakala BSN meluluskan 196 permohonan berjumlah RM2 juta," katanya kepada pemberita selepas memberi taklimat mengenai skim itu kepada lebih 30 anggota persatuan peniaga di pejabat BPMB negeri di sini.

Turut hadir Timbalan Pengurus Besar 1 BSN Ahmad Zaki Abdul Razak, Pengurus BSN negeri Mohd Ali Yusuf, Pengurus BPMB Negeri Sembilan/Melaka Mohd Mohdi Jupri dan Pengurus BPMB cawangan Seremban Subri Md Noh.

Hashim berkata, selain mengelak para peniaga kecil terjebak dengan "along", skim itu juga merupakan langkah murni kerajaan untuk membantu mereka memula dan mengembangkan lagi perniagaan.

Katanya, skim itu merupakan satu pinjaman mudah dan cepat serta memberi banyak faedah kepada peminjam, khususnya peniaga kecil di negara ini.

Beliau berharap para peniaga kecil mengambil kesempatan kemudahan pinjaman yang disediakan BPMB dan BSN itu untuk memulakan dan mengembangkan perniagaan mereka.

"Bagaimanapun, peminjam hendaklah bersikap jujur ketika membuat permohonan pinjaman dan membayar balik mengikut perjanjian yang telah dimeterai agar tabung (skim) ini dapat dikembangkan untuk faedah semua peniaga kecil di negara ini.

BPMB dan BSN akan sentiasa memantau setiap permohonan pinjaman sebelum ia diluluskan supaya tidak wujud penipuan dalam permohonan itu," katanya.

Di bawah Pakej Strategi Baru yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini, kerajaan memperuntukkan RM1 bilion bagi melaksanakan Skim Kredit Mikro, bertujuan memberi akses pinjaman lebih mudah kepada peniaga kecil.

Daripada jumlah itu, RM500 juta disalurkan kepada BPMB bagi memberi pinjaman kepada peniaga yang terbabit dalam perniagaan berkaitan pertanian manakala RM300 juta lagi kepada BSN bagi perniagaan bukan pertanian.

Sebanyak RM200 juta lagi disalurkan kepada Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) yang akan diletakkan di bawah BPMB.

-- BERNAMA

rp apg AHM